



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Perayeran Wilayah 1967

DR.01/1968

(Di-bentang dan di-bacha bagi kali pertama dalam Dewan Ra'ayat dan di-perintah supaya di-chetak, 13 haribulan November, 1967.)

RANG UNDANG²

bernama

Suatu Act bagi membuat peruntokan berkenaan dengan persempadanan perayeran wilayah Malaysia.

[

]

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, saperti berikut:

1. Act ini boleh-lah di-namakan Act Perayeran Wilayah, Nama. 1967.
2. Act ini hendak-lah di-pakai di-seluruh Malaysia. Pemakaian.
3. (1) Maka ada-lah dengan ini di-ishtiharkan bahawa lebar-nya perayeran wilayah Malaysia ia-lah dua belas batu notika dan lebar-nya itu hendak-lah di-ukor mengikut Perkara 3, 4, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12 dan 13 dalam Konvenshen Geneva mengenai Laut Wilayah dan Zon Berdampingan (1958), yang di-nyatakan dalam Jadual bersama ini. Lebar-nya perayeran wilayah.
- (2) Pada memakai Perkara² yang tersebut di-atas per-bahasaannya "laut wilayah" yang terdapat dalam-nya itu hendak-lah di-ertikan sa-bagai "perayeran wilayah".
4. (1) Kechuali sa-bagaimana di-peruntokkan dalam sek-shen-kechil (2) apa² rujokan yang terdapat dalam mana² undang² bertulis kapada perayeran wilayah hendak-lah, sa-takat mana rujokan itu menyentoh undang² persekutuan, di-ertikan dengan terta'alok kapada peruntokan² Act ini. Pengubah-suaian undang².
Ordinance P.T.M. No. 7 tahun 1948.
- (2) Bagi maksud Act Pelantar Benua, 1966, Act Lombong Petroliam, 1966, dan Act Kanun Tanah Negara, 1965, apa² rujokan kapada "perayeran wilayah" yang terdapat dalam mana² Act itu hendak-lah di-ertikan dengan tiada rujokan kapada peruntokan² Act ini. Act No. 57 tahun 1966.
Act No. 58 tahun 1966.
Act No. 56 tahun 1965.
5. (1) Dengan sa-berapa segera yang boleh sa-lepas ini atau kemudian daripada-nya dari sa-masa ka-samasa sa-bagaimana di-fikirkan-nya perlu Yang di-Pertuan Agong boleh menyebabkan di-bentang dalam kedua² Majlis Parli-men suatu peta sekil-besar menunjukkan tikas² ayer surut, garis-sas², sempadan² luar dan kawasan perayeran wilayah Malaysia. Menyiarkan peta sekil-besar.

(2) Satu salinan peta itu hendak-lah di-siarkan dalam *Warta Kerajaan* untuk perma'aloman umum.

Pengubah-
suaian
perayeran
wilayah.

6. Yang di-Pertuan Agong, menurut apa² perjanjian yang di-buat antara Malaysia dengan sa-buah Negara berpantai lain, boleh dengan perentah mengubahsuai kawasan perayeran wilayah Malaysia; dan apa² pengubahsuaian yang sa-demikian di-buat hendak-lah di-tandakan dalam suatu peta sekil-besar yang kemudian-nya hendak-lah di-bentangkan dalam kedua² Majlis Parlimen dan satu salinan-nya hendak-lah di-siarkan dalam *Warta Kerajaan* untuk perma'aloman umum.

Keterangan.

7. Jika dalam apa² pembicharaan di-hadapan mana² mahkamah dalam Malaysia timbul suatu soal tentang sama ada sa-suatu perbuatan atau ketinggalan berlaku di-dalam atau di-luar perayeran wilayah Malaysia, maka suatu perakuan menyatakan-nya yang di-tandatangani oleh atau bagi pehak Mentri yang bertanggung-jawab atas hal-ehwal luar negeri hendak-lah di-terima dalam keterangan dan di-sifatkan sa-bagai di-tanda-tangani sa-demikian dengan tidak perlu di-buktikan lagi dan perakuan itu hendak-lah menjadi bukti *prima facie* mengenai nyataan² yang di-perakuⁱ dalam perakuan itu.

JADUAL

(Sekshen 3)

KONVENSHEN GENEVA MENGENAI LAUT WILAYAH DAN ZON BERDAMPINGAN (1958)

PERKARA 3

Kechuali jika sa-lain-nya di-peruntokkan dalam perkara² ini garis-sas biasa untuk mengukor lebar-nya laut wilayah ia-lah tikas ayer-surut di-sapanjang pantai sa-bagaimana di-tandakan dalam charta² sekil-besar yang di-i'tiraf dengan rasmi-nya oleh Negara berpantai yang berkenaan.

PERKARA 4

1. Di-tempat² di-mana garisan pantai tersuak dan terbelah jauh ka-dalam, atau jika ada deretan pulau² di-sapanjang pantai berhampiran dengan-nya, maka kaedah garis-sas lurus yang menyambongi tempat² yang sesuai boleh-lah di-gunakan bagi membuat garis-sas dari mana lebar-nya laut wilayah itu di-ukor.

2. Membuat garis-sas itu mesti-lah jangan terkeluar jauh dari hala 'am pantai, dan kawasan² laut yang terletak dalam garis² itu mesti-lah chukup rapat perkaitan-nya dengan daratan wilayah sa-hingga terta'alok kapada kuasa perayeran dalam.

3. Garis-sas hendak-lah jangan di-buat ka-timbulan² ayer-surut dan dari timbulan² ayer-surut, melainkan jika rumahapi atau benaan yang sa-umpama-nya yang kekal atas aras laut telah di-dirikan di-atas-nya.

4. Jika kaedah garis-sasas lurus boleh di-pakai menurut peruntukan perenggan 1, maka bagi menetapkan garis-sasas yang tertentu, kepentingan² ekonomi yang tersendiri bagi daerah yang berkenaan itu bolehlah di-pertimbangkan, ia-itu kepentingan² yang wujud-nya dan mustahak-nya jelas terbukti oleh sebab penggunaan yang lama.
5. Sistem garis-sasas lurus tidak boleh di-pakai oleh sa-sabuah negara dengan chara yang sa-demikian hingga terpotong laut wilayah sa-buah negara lain dari lautan lepas.
6. Negara berpantai mesti-lah menandakan dengan terang garis-sasas lurus dalam charta² yang mesti di-beri penyerantaan sa-wajar-nya.

PERKARA 6

Sempadan luar bagi laut wilayah ia-lah satu garisan yang jarak-nya tiap² tempat dalam garisan itu dari tempat yang dekat sa-kali dalam garis-sasas ada-lah sama dengan lebar-nya laut wilayah itu.

PERKARA 7

1. Perkara ini ada-lah berkenaan hanya dengan telok² yang pantai-nya di-punyaï oleh sa-buah Negara sahaja.
2. Bagi maksud perkara² ini telok ia-lah suatu suak yang ternyata yang kadar tembusan-nya dengan muara-nya ada-lah sa-demikian hingga mengandongi perayeran yang terkepong oleh daratan dan menjadi lebeh daripada chuma suatu kelengkongan pantai. Walau bagaimana pun sa-suatu suak tidak-lah di-sifatkan sa-bagai telok melainkan jika ia ada-lah sa-luas atau lebeh luas daripada sa-tengah-bulatan yang garispusat-nya ia-lah garisan yang melintang muara suak itu.
3. Bagi maksud mengukur, luas-nya sa-suatu suak ia-lah luas-nya yang terletak di-antara tikas ayer-surut di-sekeliling pantai suak itu dengan suatu garisan yang menyambongi tikas² ayer-surut pada tempat masok sa-mula jadi suak itu. Jika, oleh sebab ada-nya pulau², sa-suatu suak mempunyaï lebeh daripada suatu muara, maka sa-paroh-bulatan itu hendak-lah di-buat mengikut satu garisan sa-panjang jumlah panjang-nya garisan² melintang muara² yang berlainan itu. Pulau² di-dalam kawasan suak hendak-lah di-masokkan sa-olah² pulau² itu menjadi sa-bahagian daripada kawasan ayer suak itu.
4. Jika jarak di-antara tikas² ayer-surut pada tempat² masok sa-mula jadi sa-sabuah telok tidak lebeh daripada dua puloh empat batu, suatu garisan penutup boleh-lah di-buat di-antara dua tikas ayer-surut ini, dan ayer yang termasuk dalam garisan itu hendak-lah di-kira sa-bagai perayeran dalam.
5. Jika jarak di-antara tikas² ayer-surut pada tempat² masok sa-mula jadi sa-sabuah telok lebeh daripada dua puloh empat batu, suatu garis-sasas sa-panjang dua puloh empat batu hendak-lah di-buat dalam kawasan telok itu dengan sa-demikian hingga termasuk sa-luas² kawasan ayer yang boleh dengan garisan sa-panjang itu.
6. Peruntukan² yang di-atas tidak-lah di-pakai kapada apa yang di-katakan telok² "bersejarah", atau jika sistem garis-sasas lurus yang di-peruntokkan dalam perkara 4 itu ada di-pakai.

PERKARA 8

Bagi maksud mempersempadankan laut wilayah, benaan pelabohan yang kekal yang luar sa-kali yang menjadi sa-bahagian yang melengkapkan sistem pelabohon itu hendak-lah di-kira sa-bagai menjadi sa-bahagian daripada pantai.

PERKARA 9

Pelabohan² tedoh yang biasa-nya di-gunakan untok memuat dan memunggah kapal dan untok kapal² berlaboh dan yang jika tidak di-gunakan demikian akan terletak kesemua atau sa-bahagian-nya di-sabelah luar sempadan laut wilayah, ada-lah termasuk dalam laut wilayah. Negara berpantai mesti-lah memperenggankan dengan terang pelabohan² tedoh-nya dan menandakan-nya serta sempadan²-nya dalam charta² dan penyerantaan mengenai-nya mesti-lah di-buat sa-wajar-nya.

PERKARA 10

1. Pulau ia-lah suatu kawasan daratan yang tertuboh sa-mula jadi, yang di-kelilingi oleh ayer, dan yang lebeh tinggi daripada muka ayer pada waktu ayer pasang.
2. Laut wilayah sa-sabuah pulau ada-lah di-ukor mengikut peruntokan² perkara² ini.

PERKARA 11

1. Timbunan ayer-surut ia-lah suatu kawasan daratan yang tertuboh sa-mula jadi yang di-kelilingi oleh ayer dan lebeh tinggi daripada muka ayer waktu ayer surut tetapi tenggelam waktu ayer pasang. Jika sa-sabuah timbunan ayer-surut terletak kesemua atau sa-bahagian-nya pada suatu jarak yang tidak lebeh daripada lebar-nya laut wilayah dari tanah besar atau dari sa-sabuah pulau, maka tikas ayer-surut pada timbunan itu boleh-lah di-gunakan sa-bagai garis asas untuk mengukur lebar-nya laut wilayah.
2. Jika sa-sabuah timbunan ayer-surut ada-lah kesemua-nya terletak pada suatu jarak yang lebeh daripada lebar-nya laut wilayah dari tanah besar atau dari sa-sabuah pulau maka ia tidak-lah mempunyai laut wilayah-nya sendiri.

PERKARA 12

1. Jika pantai bagi dua buah Negara ada-lah berhadapan atau bersempadan dengan satu sama lain, maka tiada-lah mana² satu daripada dua buah Negara itu berhak, dengan tiada perjanjian akas di-antara-nya, memperluaskan laut wilayah-nya lebeh daripada garisan tengah yang tiap² satu tempat dalam-nya sama jarak-nya dari tempat² yang dekat sa-kali dalam garis asas dari mana laut wilayah tiap² sa-buah Negara itu di-ukor. Walau bagaimana pun, peruntokan² perenggan ini tidak-lah di-pakai jika oleh sebab hakmilk bersejarah atau lain² keadaan yang khas ada-lah perlu mempersempadan laut² wilayah kedua² buah Negara itu dengan chara yang berlainan daripada peruntokan ini.
2. Garisan persempadanan di-antara laut² wilayah kedua² buah Negara itu yang terletak berhadapan dengan satu sama lain atau bersempadan dengan satu sama lain hendak-lah di-tandakan dalam charta² sekil-besar yang di-i'tiraf dengan rasmi oleh kedua² buah Negara berpantai itu.

PERKARA 13

Jika sa-sabuah sungai mengalir terus ka-laut, maka garis asas-nya ia-lah satu garisan lurus melintang muara-nya di-antara tempat² pada tikas ayer-surut di-tebing²-nya.

HURAIAN

Rang Undang² ini bermaksud hendak menetapkan dan mempersempakan lebar-nya perayeran² wilayah bagi Malaysia.

2. Pada masa ini perayeran wilayah bagi Malaysia telah di-terima dalam undang² kita sa-hingga had tiga batu, akan tetapi baharu² ini fomula had tiga batu ini yang di-terima oleh negara² kuasa laut yang besar dan kuat telah di-tolak oleh sa-tengah² Negara dengan jalan meluaskan perayeran² wilayah-nya hingga had dua belas batu dan, sa-tengah²-nya, hingga had yang lebih luas.

3. Dalam tahun 1958 suatu persidangan telah di-adakan di-Geneva di-bawah ri'aiah Bangsa² Bersatu dengan tujuan hendak mencapai suatu persetujuan 'am atas beberapa masa'alah berhubung dengan undang² laut, termasuk lebar-nya perayeran² wilayah. Persidangan itu menghasilkan beberapa Konvenshen, salah satu daripada-nya ia-lah Konvenshen mengenai Laut Wilayah dan Zon Berdampingan, yang memperuntukkan kaedah mengukur lebar-nya perayeran² wilayah. Di-dalam persidangan itu banyak perbincangan telah di-adakan berkenaan dengan lebar-nya yang sa-benar bagi perayeran² wilayah. Malang-nya tiada apa² persetujuan telah tercapai. Dua tahun kemudian, ia-itu dalam tahun 1960, suatu lagi persidangan yang di-namakan Persidangan mengenai Undang² Laut telah di-adakan sa-kali lagi di-Geneva di-bawah ri'aiah Bangsa² Bersatu. Dalam persidangan 1960 ini masa'alah yang sama telah di-bawa sa-mula untuk di-bincang dan di-putuskan. Pendapat² atas perkara ini telah berbelah bahagi di-antara negara² yang sukakan had enam batu dan negara² yang sukakan had dua belas batu. Suatu perhubungan bagi mendapatkan tolak-ansor atas dua pendapat ini dengan satu chadangan bersama Amerika Sharikat—Canada bagi menetapkan had enam batu untuk perayeran wilayah dan had enam batu lagi untuk zon berdampingan dan untuk had menangkap ikan telah gagal. Oleh yang demikian, sa-hingga sekarang ini tidak-lah ada persetujuan 'am mengenai lebar-nya yang sa-benar bagi perayeran² wilayah. Berikutan dengan kegagalan di-persidangan Geneva itu, sa-tengah² Negara telah kemudian-nya mengishtiharkan lebar-nya perayeran² wilayah-nya sa-bagai dua belas batu dan yang lain² sa-lebar yang lebih luas.

4. Sa-hingga sekarang ini had tiga batu bagi perayeran wilayah yang di-terima oleh Malaysia mengikut 'amalan British ada-lah di-fikirkan tidak menchukupi memandang kapada kepentingan Malaysia yang besar mengenai beberapa perkara saperti undang² menangkap ikan, undang² pertahanan dan hasil. Oleh itu Rang Undang² ini ada-lah bermaksud hendak meletakkan lebar-nya perayeran² wilayah bagi Malaysia atas asas berkanun sa-hingga had dua belas batu. Kaedah mengukur had ini ada-lah berasaskan Perkara 3, 4, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12 dan 13 dalam Konvenshen Geneva Mengenai Laut Wilayah dan Zon Berdampingan (1958) yang ada di-masokkan dalam Rang Undang² ini supaya menjadi sa-bahagian daripada undang² Malaysia mengenai perayeran² wilayah.

[PN. 4288.]